



14 NOV, 2022

Salur 1,496 MWj tenaga solar setahun

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Salur 1,496 MWj tenaga solar setahun

Kuala Lumpur: Anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Bhd (TNB), GS-PARX Sdn Bhd sudah membentuk kerjasama dengan SMART Modular Technologies Inc (SMART) untuk membolehkan SMART memenuhi komitmen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) memperoleh 100 peratus tenaga elektrik yang dikusakan oleh tenaga boleh diperbaharui.

Menerusi kerjasama ini, SMART akan menjadi perbadanan multinasional pertama di Pulau Pinang dan syarikat elektronik berpangkalan di Amerika Syarikat pertama di Malaysia mencapai kejayaan itu, kata TNB dan SMART dalam satu kenyataan bersama semalam.

Ini akan dicapai menerusi operasi Seberang Jaya SMART, kilang pembuatan utamanya di rantau ini.

Pencapaian ESG itu ada-

lah hasil daripada pemasangan penyelesaian tenaga solar atas bumbung dan Tarif Elektrik Hijau (GET) yang disediakan oleh TNB.

Pengarah Urusan GSPARX Elmie Fairul Mashuri berkata kerjasama dengan SMART untuk memenuhi matlamat ESGnya menjadi contoh kepada MNC lain di Malaysia untuk memulakan inisiatif serupa bagi mengurangkan jejak karbon masing-masing.

“Sebaik sahaja kami menyiapkan pemasangan solar, SMART akan mampu menyalurkan 1,496 MWj tenaga solar setiap tahun,” katanya.

Beliau berkata jumlah imbalan (offset) karbon ialah 5,403 tan metrik setahun, bersamaan dengan 99,128 anak pokok yang tumbuh selama 10 tahun apabila GET dan penyelesaian solar atas bumbung digunakan bersama.